

# Terdapat keperluan perolehan rundingan terus - PM

**PUTRAJAYA 19 Sept.** - Kerajaan tidak menafikan terdapat keperluan untuk perolehan secara rundingan terus, kata Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, Jabatan Audit Negara (JAN) dalam mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah (JKKMAR) hari ini telah mengemukakan cadangan bagi memastikan perolehan yang dibuat secara rundingan terus dapat dilaksanakan secara lebih telus dan jelas.

Bagi tujuan itu, katanya, JK-KMAR bersetuju dengan syor daripada JAN untuk memperkasakan lagi kaedah perolehan secara rundingan terus dan perkara ini akan dirujuk kepada Kementerian Kewangan.

Jelasnya, antara perolehan yang dibuat secara rundingan terus membabitkan pasukan ketenteraan.

"Mereka (pasukan ketenteraan) mengenai pasti kelengkapan tertentu dan sekiranya ia datang daripada hanya satu syarikat, maka rundingan terus boleh dilakukan.

"Bagaimanapun mereka perlu nyatakan kenapa rundingan terus dan perlu mendapat kebenaran daripada Kementerian Kewangan," katanya dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat JKKMAR Kali Ke-10 di Bangunan Perdana Putra di sini hari ini.

Dalam pada itu, Perdana Men-

teri menafikan projek pembinaan bangunan guna sama Persekutuan Kota Bharu, Tunjong di Kelantan berharga RM450 juta dengan surat mengenainya tular, dibuat secara rundingan terus.

"Anda melihat surat itu kerana ia telah tular. Anda lihat surat yang saya tulis, ia adalah projek sambungan yang telah diberikan kepada pihak berkenaan sama ada secara terus atau tidak. Ia adalah projek baharu.

"Apa yang saya tulis ialah jika syarikat itu bersedia mengurangkan kos dan jika ia sambungan projek yang lepas, saya fikir ia bukan rundingan terus," katanya yang akan bertemu Menteri Kewangan, Lim Guan Eng membincangkan perkara itu.

Ditanya kritikan ke atas anak beliau, Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Mahathir yang masih mempunyai pegangan saham dalam Opcom Holdings, Perdana Menteri berkata, beliau tidak menandatangani apa-apa surat untuk perkara tersebut.

"Apa yang saya tahu, beliau (Mukhriz) telah melepaskan perniagaannya kerana sekarang beliau adalah Menteri Besar. Sekiranya anda beri saya maklumat, saya akan tanya beliau," katanya.

Mengenai dana politik, beliau berkata, akta mengenainya akan dibentangkan di Parlimen pada sesi akan datang.